



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI SAINS** (Biokimia/ Biomedikal/ Fizik) **GREDED C41**
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sains
2. **Jadual Gaji** :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 2,317.00	RM 9,620.00	RM 225.00
3. **Syarat Lantikan** :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. **Taraf Jawatan** : **Tetap**
5. **Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan** : Pegawai- pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Sains Gred C41 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. **Fungsi Bidang Tugas** : Menjalankan tugas dan aktiviti di bawah Akta 737 antaranya:
 - memproses perlesenan establimen dan pendaftaran Peranti Perubatan;
 - memproses pendaftaran Badan Penilaian Pematuhan;
 - menjalankan aktiviti pemantauan dan pengawasan peranti perubatan;
 - Menjalankan aktiviti penguatkuasaan;
 - membangunkan Dokumen Panduan, Garis Panduan, Kod dan Standard;
 - melaksanakan pemeriksaan pematuhan ke atas premis;
 - menjalankan kajian teknikal berkaitan peraturan-peraturan peranti perubatan.
7. **Cara Memohon** : Permohonan hendaklah menggunakan surat biasa disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan hendaklah disertakan dengan satu (1) salinan fotostat sijil dan dokumen-dokumen berikut yang diakui sah:-

- i. Resume Calon
- ii. Kad Pengenalan;
- iii. Sijil Kelahiran;
- iv. Sijil Tamat Persekolahan
- v. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- vi. Salinan Diploma / Ijazah berserta transkrip (sekiranya berkaitan);
- vii. Lain-lain dokumen sokongan; dan
- viii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS)

Ke alamat:

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR**

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (ii) Pemohon hendaklah tuliskan jawatan yang dipohon diatas sebelah kiri sampul surat.
- (iii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iv) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

8. Tarikh Tutup Permohonan : 2 Februari 2021 (Selasa) jam 3.00 petang

(AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI)

Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 18 Januari 2021